

## **Sistem amaran dua hari awal kesan banjir**

Kerajaan mempertimbangkan penggunaan sistem amaran banjir berteknologi tinggi yang mampu mengesan kenaikan paras air lebih awal menjelang 2017.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, sistem itu mengesan kenaikan paras air dua hari lebih awal untuk memudahkan semua pihak membuat persiapan.

“Sistem yang diguna pakai ketika ini hanya mampu mengesan bacaan paras air dalam masa enam jam dan menyukarkan pihak keselamatan menghadapi banjir.

“Sistem yang ingin diguna pakai ini mempunyai ketepatan untuk mengesan paras air antara 80 ke 90 peratus,” katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) ke-38, di sini, semalam.